

Umno akan wujudkan 18 bahagian baru

KUALA LUMPUR, Rabu — Setiausaha Agung Umno, Datuk Haji Mustafa Jabar, berkata Umno akan menambah 18 bahagian baru selaras dengan penambahan kerusi Parlimen baru selepas perhimpunan agung Umno, Mei ini.

Ketika mengalu-alukan perisytiharan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai penambahan kerusi baru itu, beliau berkata, ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional akan terus melaksanakan demokrasi berparlimen di negara ini.

Umno, tambah beliau, yakin perisytiharan itu dibuat selepas mengkaji keperluan dan penambahan bilangan pengundi di sesuatu kawasan.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Tan Sri Haji Abdul Kadir Talib, mengumumkan penambahan kerusi Dewan Undangan Negeri sebanyak 39 kawasan manakala 22 kawasan baru untuk Parlimen, termasuk empat di Sabah.

Di samping penambahan kerusi itu, Suruhanjaya Pilihanraya juga mengumumkan pertukaran nama kepada enam kerusi Parlimen dan 32 Dewan Undangan Negeri.

Datuk Haji Mustafa berkata, Umno bahagian akan bertambah dari 114 sekarang kepada 132 selepas penyelarasan dibuat pertengahan tahun ini.

Katanya, Umno tidak mempunyai apa-apa masalah untuk menyelaraskan penubuhan bahagian mengikut sempadan baru yang ditetapkan itu.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Lim Kim Sai, pula berkata pihaknya akan mengadakan mesyuarat Sabtu ini untuk membincangkan perkara pindaan sempadan itu.

Penduduk

Katanya, pihaknya akan meneliti kawasan yang dicadangkan untuk diwujudkan sempadan baru itu sama ada ia benar-benar mempunyai jumlah penduduk yang bertambah atau tidak.

Ditanya kemungkinan MCA akan meminta tambahan kerusi dari pucuk pimpinan BN, beliau berkata: "Perkara itu terlalu awal untuk dibincangkan kerana jumlah kerusi yang diminta mestilah berlandaskan kepada kekuatan parti sendiri."

Bagaimanapun, beliau menyatakan pindaan kawasan ini memang dialu-alukan kerana penambahan bilangan penduduk di setengah-setengah kawasan seperti Petaling Jaya dan sebagainya.

Setiausaha Agung Pas, Haji Hassan Shukri, berkata pindaan sempadan dibincangkan sepintas lalu dalam mesyuarat Dewan Harian Pas Pusat yang dipengerusikan oleh yang dipertua agungnya, Haji Yusof Rawa, di sini hari ini.

Tetapi, Pas berpendapat perkara itu harus dikaji secara terperinci kerana ia membabitkan banyak kawasan.

Setakat ini, Pas hanya mengetahui pindaan itu dalam akhbar. Tetapi, pada asasnya Pas menyetujui pindaan itu.

Ditanya sama ada Pas bercadang membuat bantahan, beliau berkata, itu terpulang kepada penduduk kawasan berkenaan kerana ia adalah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Timbalan Setiausaha DAP, Encik Lee Lam Thye, berkata satu mesyuarat jawatankuasa pusat tertinggi parti itu akan diadakan Ahad

ini untuk membincangkan perkara itu.

Katanya, mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Dr Chen Mar Hin akan mengkaji secara terperinci kesan politik berhubung pindaan itu.

Tetapi, bagi Wilayah Persekutuan beliau berkata, tambahan dua bahagian tidak mencukupi.

Sepatutnya, setiap satu bahagian mesti mempunyai 40,000 pengundi dan ini bermakna Wilayah Persekutuan memerlukan 10 bahagian.

Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM), Encik Kasim Ahmad, pula berkata pindaan itu tidak kontroversi kerana ia berlandaskan kepada perkembangan penduduk.

Katanya, partinya akan mengadakan perbincangan mengenai isu itu esok.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia